

03/04/1998

Thailand diminta percepat penggunaan mata wang tempatan

KERAJAAN menggesa Thailand supaya mempercepatkan pelaksanaan dan mekanisme penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, berkata kementerianya sudah menulis kepada Kementerian Kewangan Thailand mengenai perkara itu dengan mekanismenya boleh dilakukan melalui Bank Eksport Import (Exim) Thailand.

"Selain Thailand, kerajaan juga sedang mengadakan perbincangan dengan Singapura dan Filipina mengenai perkara yang sama," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mahbud Hashim (BN-Sabak Bernam).

Menjawab soalan Datuk Abu Seman Yusop (BN-Alor Gajah), beliau berkata negara Asean sudah menyatakan sokongan terhadap cadangan menggunakan mata wang serantau seperti yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berikutan kejatuhan nilai mata wang Asean berbanding dolar Amerika.

"Mekanisma pembayaran bagi menggalakkan penggunaan mata wang serantau dalam perdagangan intra-Asean sudah dikaji oleh satu pasukan petugas khas yang dianggotai wakil bank pusat Asean," katanya.

Menurutnya, pasukan petugas ini yang bermesyuarat pada 27 Februari lalu di Kuala Lumpur sudah memperakukan mekanisme Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) dan perakuan ini sudah dibincangkan dalam Mesyuarat Kedua Menteri-menteri Kewangan Asean di Jakarta pada 28 Februari lalu.

Sehubungan ini, Menteri-menteri Kewangan Asean sudah menyokong dan penggunaan BPA dan seterusnya bersetuju supaya dilaksanakan secara sukarela serta dua hala dengan harapan kemudahan ini diperluaskan menjadi peraturan pelbagai hala pada masa depan.

Wong berkata, di bawah BPA ini kedua-dua negara terbabit akan melantik `ejen penjelasan' yang membabitkan Bank Pusat atau lain-lain bank yang difikirkan sesuai.

Kedua-dua ejen penjelasan itu akan menyelesaikan bayaran sesama mereka secara `bersih' dan dibuat dalam tempoh tertentu.

Menjawab soalan tambahan Zainal Abidin Osman (BN-Mersing), beliau berkata pada peringkat permulaan, antara komoditi berpotensi didagangkan dengan mata wang serantau ialah beras, kayu-kayan, koko, getah asli dan produk pertanian.

Selain itu, katanya, antara faedah yang didapati daripada penggunaan BPA ialah untuk menggalakkan perdagangan serantau dan memperbaiki kecekapan dalam penyelesaian pembayaran.

(END)